

sembahyang itu tidak diterima olehnya dengan tidak bersendikan bacaan Quran.))

Akhirnya *I'rabī* itu meminta Rasulullah mengajarkan dia dan baginda pun mengajarnya surah al-Fātiḥah dan *qul huwa Allāhu aḥad*. Dan kerana dia seorang miskin, maka baginda bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya memberikan hadiah-hadiah yang banyak.

Sekianlah ceritanya.

Dari Hal Kita

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah bahawa Qalam dengan keluarannya ini dapat menggunakan huruf-huruf dengan menggunakan jentera *intertype*. Selain daripada ia sentiasa baharu maka cetaknya tentunya lebih bersih; dan kita berkeyakinan inilah pertama-tama majalah Melayu menggunakan huruf-hurufnya daripada jentera *intertype*.

Dengan adanya jentera ini ertinya percetakan Qalam telah melangkah lagi setapak ke hadapan dalam kemajuannya di dalam perusahaan percetakan dan penerbitan. Dengan adanya jentera baharu ini maka percetakan Qalam telah mempunyai dua buah jentera *intertype*.

Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat perhatian yang khusus daripada umat Melayu dan juga kerajaan Singapura dan Persekutuan supaya tidak memandang kecil lagi atas kebolehan-kebolehan percetakan Melayu. Perkembangan percetakan Melayu sekarang berhajat kepada bantuan dan sokongan serta kerjasama kerajaan terutamanya dalam masa menjalankan tugas bersama dalam perkembangan menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi.

Membantu percetakan Melayu bererti menambah lagi galakan dalam perkembangan persuratan Melayu kerana

pencetak-pencetak Melayu ini bukannya sahaja sebagai percetakan yang hanya menerima upahan tetapi mereka juga banyak jasanya dalam perkembangan bahasa Melayu, dan akan sentiasa berusaha mengayakan alam persuratan Melayu dengan menerbitkan buku-bukunya lagi.

Selain daripada itu maka langkah yang kita tuju sekarang tidak sahaja hanya menerima upahan-upahan mencetak tetapi juga kita berusaha, *insya-Allāh* akan menerbitkan sebanyak-banyaknya buku pengetahuan sama ada mengenai bacaan-bacaan di sekolah-sekolah dengan menggunakan huruf rumi tetapi juga buku-buku bacaan jawi dan kitab-kitab pelajaran agama. Kerana itu kita mempelawa cerik pandai bangsa kita menyertai kita ini dengan menghantarkan karangan-karangannya kepada kita untuk diterbitkan iaitu setelah kita adakan persetujuan kepada kedua-dua belah pihak. Mudah-mudahan Allah memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita bersama – Āmin.

BUKU-BUKU RUMI KELUARAN

QALAM:

356/8, Geylang Rd., Singapore 14.

- | | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| 1. Surat Menyurat
(oleh A.H. Edrus) | \$1.50 |
| 2. Jalan ka-Kota Bharu
(oleh Anuar) ... | 1.50 |
| 3. Panduan Kepada Pekedai-pekedai | |
| 3. Panduan Kepada Pekedai Kechil
(oleh H. M. Hassan). | 0.70 |
| 4. Penglipur 1 (kumpulan cherita-cherita
Pendek Karangan Ahmad
dan Anuar) ... | 1.50 |
| 5. Akhlak ... | 1.20 |
| 6. Pendidekan. ... | 1.25 |

Pemesan-pemesan hendaklah menyebutkan huruf rumi, kerana ada diantara naskhah-naskhah ini yang menggunakan Huruf Jawi.

Pesanan-pesanan hendaklah ditambah 10 cts. kerana belanja *Stamp*.